

PERBADANAN SELARAS TANAH WAKAF TERBIAR DITUBUH

*Sumber : Utusan Malaysia
Selasa 20 Januari 2009*

BANGI 19 Jan. - Kerajaan melalui Yayasan Waqaf Malaysia hari ini menubuhkan Perbadanan Wakaf Nasional yang bertanggungjawab menyelaras dan merancang pembangunan tanah-tanah wakaf terbiar di seluruh negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, buat masa ini terdapat kira-kira 2,700 hektar tanah wakaf am dan 3,500 hektar tanah wakaf khusus di seluruh negara membabitkan nilai pasaran semasa RM1.9 bilion.

Menurut beliau, jumlah tanah wakaf yang dibangunkan amat kecil ekoran beberapa kekangan seperti faktor status tanah dan ketiadaan modal bagi dimajukan.

"Tujuan kita adalah untuk memberi faedah dan manfaat kepada pewakaf dengan memastikan tanah-tanah terbiar dibangunkan dengan cekap dan terancang.

"Tanah-tanah wakaf terbiar yang paling banyak ialah di Pulau Pinang dan pihak yang paling banyak mewakafkan tanah pula ialah India Muslim," katanya.

Ahmad Zahid bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan di sini hari ini.

Beliau menjelaskan, perbadanan itu tidak akan mengambil alih pengurusan tanah-tanah wakaf di setiap negeri dan ia kekal dalam bidang kuasa Majlis Agama Islam negeri.

Katanya, kertas maklumat mengenai perbadanan akan diserahkan kepada Majlis Raja-Raja bagi mendapat perkenan sebelum pelaksanaan dijalankan.

Sementara itu, katanya, pihaknya juga memperkenalkan Skim Wakaf Tunai melalui potongan gaji pekerja yang akan membantu menambah modal perbadanan itu.

Ahmad Zahid berkata, konsep pengurusan terancang wakaf bukannya perkara baru kerana ia telah diamalkan di Asia Barat seperti Mesir dan Sudan serta negara-negara maju bukan Islam.

"Universiti al-Azhar dibangunkan atas tanah wakaf manakala negara-negara maju bukan Islam juga gunakan konsep sama tetapi dengan nama pembiayaan seperti yang dibuat oleh Universiti Harvard dan Oxford," jelasnya.